



FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYA

Pengakuan Keaslian Penulisan

Nama Calon: TENGKU SARINA AINI BINTI TENGKU KASIM

Tajuk Kertas Projek: KONSEP KENDIRI REMAJA DAN KAITANNYA

DENGAN PENGARUH KELUARGA DI SEBUAH

SEKOLAH DI TERENGGANU

Saya sahkan bahawa segala bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini adalah hasil usaha saya sendiri. Sekira terdapatnya hasil kerja orang lain atau pihak lain sama ada diterbitkan atau tidak (seperti buku, artikel, kertas kerja, atau bahan dalam bentuk yang lain seperti rakaman audio dan video, penerbitan elektronik atau internet) yang telah digunakan, saya telah pun merakamkan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka melalui konvensyen akademik yang bersesuaian. Saya juga mengakui bahawa bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini belum lagi diterbitkan atau diserahkan untuk program atau ijazah lain di mana-mana universiti.

Tandatangan:  Tarikh: ..29/10/1999.....

R

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

A00-052
INVC...nms 2/2/c

KONSEP KENDIRI REMAJA DAN KAITANNYA
DENGAN PENGARUH KELUARGA DI SEBUAH
SEKOLAH DI TERENGGANU

Tengku Sarina Aini Binti Tengku Kasim

Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Fakulti Pendidikan,
Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Pendidikan

1999

Perpustakaan Universiti Malaya



A510573409

01<

KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN	HALAMAN
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
BAB I PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	10
1.3 Objektif Kajian	13
1.4 Soalan Kajian	15
1.5 Kepentingan Kajian	16
1.5 Limitasi Kajian	18
1.6 Definisi Frasa Dan Istilah	18
BAB II KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	21
2.2 Konsep Kendiri Remaja	24
2.3 Pengaruh Keluarga Ke Atas Konsep Kendiri Remaja	25
2.3.1 Hubungan Ibu Dengan Bapa	26
2.3.2 Interaksi Anak Dengan Ibu Bapa	27
2.3.3 Perhatian Ibu Bapa Terhadap Anak	29
2.3.4 Masalah Anak Dengan Ibu Bapa	31
2.4 Perbezaan Konsep Kendiri Dari segi Jantina	32
2.5 Rumusan	35

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	36
3.2 Sampel Kajian	36
3.3 Subjek Kajian	37
3.4 Alat Kajian	37
3.5 Kajian Rintis	43
3.6 Analisis Data	44

BAB IV ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan	46
4.2 Latar belakang diri dan keluarga responden	46
4.3 Konsep Kendiri	48
4.4 Korelasi untuk melihat kaitan	50

BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	53
5.2 Rumusan dapatan kajian	53
5.3 Kesimpulan	60
5.4 Implikasi	61
5.5 Cadangan	64

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izinNya juga, maka saya dapat menjalankan kajian ini sehingga selesai. Di sepanjang kajian ini, saya telah mendapat sokongan dan kerjasama daripada berbagai-bagai pihak. Saya merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Puan Salimah Binti Md. Sah di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, dorongan dan teguran membina yang telah diberikan sehingga akhirnya kajian ini dapat disiapkan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pengetua dan guru-guru daripada sekolah yang terlibat iaitu sebuah sekolah di daerah Kuala Terengganu, Terengganu, di atas kebenaran dan kerjasama yang telah diberikan kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Seterusnya kepada pelajar tingkatan empat di sekolah berkenaan yang telah terpilih sebagai responden bagi kajian ini, juga setinggi penghargaan dan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan. Penghargaan khas dan terima kasih saya tujukan kepada suami saya, Muhd. Azizi bin Abdul Rahman di atas segala pengorbanan, kesabaran dan sokongan padu yang telah diberikan sehingga berjaya menguatkan semangat saya untuk terus berusaha menyiapkan kajian ini. Tidak lupa juga kepada dua orang anak yang tersayang, Muhd. Syahir Amali dan Nur Amalia Syasya, kejayaan ini juga kejayaan kalian. Seterusnya kepada kedua ibu bapa, Tengku Kasim dan Tengku Kamariah, di atas segala pengorbanan dan sokongan moral yang diberikan. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak dan rakan-rakan yang secara langsung mahu pun tidak langsung dalam membantu dan memberikan kerjasama kepada saya dalam menyelesaikan kajian ini. Segala budi yang ditabur tidak akan saya lupakan sehingga akhir hayat. Semoga Allah membalas segala jasa dan budi baik kalian semua.

**KONSEP KENDIRI REMAJA DAN KAITANNYA
DENGAN PENGARUH KELUARGA DI SEBUAH
SEKOLAH DI TERENGGANU**

ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan di antara konsep kendiri remaja dengan pengaruh keluarga. Konsep kendiri seseorang itu terbina daripada kepercayaan, tingkahlaku dan pemikiran terhadap dirinya sendiri. Sesetengah daripada kepercayaan dan pemikiran tersebut adalah merupakan kefahaman seseorang terhadap keadaan fizikalnya, sosial dan juga psikologi. Seterusnya kajian ini memfokuskan kepada golongan remaja memandangkan zaman remaja merupakan satu zaman di mana jurang perbezaan di antara remaja yang baik dan remaja bermasalah bertambah. Ini adalah kerana pada zaman remaja inilah banyaknya berlaku perubahan pada fizikal, kognitif dan sosial. Mereka akan berfikir secara yang berlainan, menghukum benar atau salah secara berlainan dan terlibat dalam pelbagai jenis hubungan sosialisasi. Kajian ini juga memfokuskan kepada pengaruh keluarga memandangkan banyaknya kesan keluarga terhadap perkembangan remaja. Seramai 40 orang pelajar daripada tingkatan empat sebuah sekolah telah terpilih sebagai responden kajian ini. Soal selidik yang berstruktur telah digunakan sebagai alat bagi kajian ini. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa tidak terdapat kaitan di antara konsep kendiri remaja dengan pengaruh keluarga, sebagaimana tidak terdapat kaitan di antara masalah mereka dengan keluarga dengan pembentukan konsep kendiri mereka

**ADOLESCENT'S SELF-CONCEPT AND IT'S
RELATION WITH FAMILY INFLUENCE AT
A SCHOOL IN TERENGGANU**

ABSTRACT

The main purpose of this study is to determine the parents' influence on their children's self-concept. Self-concept consists of a person's beliefs, attitudes and thoughts about the self. Some of these thoughts and beliefs are descriptions about one's physical, social and psychological qualities. The study focused on adolescent because adolescence is a period during which the differences between the best adjusted and the most troubled adolescents increase. It is because the adolescent period involves physical, cognitive and social change. They think differently, judge right and wrong differently, and engage in different types of social relationships. The study also focused on parents' influence because of its' effect towards adolescent development. A total of 40 students from form four were selected as respondents. A structured questionnaire was used as the research instruments. The result shows that there is no correlation between parents' influence and adolescent's self-concept. The study also shows that there is no correlation between adolescent's self-concept and their problem with parents.